LATIHAN PENGUKUHAN BAHASA MELAYU TAHUN 4
TATABAHASA (KATA KERJA)

Disediakan oleh :
Cikgu Norsuhana Binti Mohd Nordin
SK Seri Kota

Isi tempat kosong dengan kata kerja yang betul. (SP5.1.2 (i))

menghidap	menyaksikan	membuat	membersihkan
mengadakan	mengamalkan	mendapat	memastikan
menjejaskan	membantu	mengemas	menggantikan

1. Kekurangan zat dan vitamin boleh _____ kesihatan kita.
2. Kita mesti _____ tempat tidur kita sentiasa bersih dan selesa.
3. Sures ceria sekali pada hari ini kerana dia _____ rehat yang mencukupi.
4. Ibu berpesan kepada kakak supaya _____ bilik tidurnya dengan bersihnya.
5. Cikgu Hanif mengingatkan kami supaya _____ gaya hidup sihat berpandukan cara yang betul.
6. Faris dan abangnya berehat sambil minum segelas air setelah penat _____ halaman rumah.
7. Kami bercadang untuk _____ Cikgu Raihana membersihkan kelas pada petang ini.
8. Jumlah kanak-kanak yang _____ penyakit tangan, kuku, dan mulut itu semakin bertambah dari hari ke hari.
9. Ayah berdiri di atas tangga itu kerana beliau mahu _____ langsir rumah kami dengan langsir yang baharu.
10. Kelab Keceriaan Sekolah memberikan cadangan agar pihak sekolah _____ aktiviti pembersihan secara bergotong-royong.
11. Pada hujung minggu yang lalu, ayah membawa datuk bersantai sambil _____ keindahan alam di Taman Tasik Perdana.
12. Cikgu Elina berjumpa dengan guru besar lalu _____ laporan tentang masalah keracunan makanan yang berlaku di sekolahnya.

LIVEWORKSHEETS